

Abdul Shukor anggap pengiktirafan perangsang terus berbakti

PUTRAJAYA 27 Nov. - Pengiktirafan sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1433 Hijrah/2011 Masihi akan dijadikan perangsang untuk terus menyumbang khidmat memperkembangkan syiar Islam dan berbakti kepada negara.

Itulah reaksi yang diberikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin, 69, di atas pemilihan beliau itu.

Abdul Shukor berkata, pada mulanya, beliau tidak menyangka akan dipilih kerana menganggap khidmat

yang disumbangkan kepada negara tidak begitu besar jika dibandingkan dengan pemimpin sedia ada.

“Walaupun begitu, saya rasa bersyukur dan berterima kasih di atas pengiktirafan ini. Secara tidak langsung menjadi perangsang kepada saya, dan saya akan terus berkhidmat mengikut kemampuan.

“Saya berpegang kepada konsep yang dikatakan oleh Nabi Muhammad SAW, sebaik-baik manusia itu adalah orang yang memberi manfaat kepada manusia lain sebanyak-banyaknya,” katanya yang be-

rasal dari Kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang itu.

Abdul Shukor diminta mengulas mengenai pengiktirafan tersebut ketika ditemui pemberita pada sidang akhbar Majlis Sambutan Maal Hijrah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Beliau yang berkelulusan Universiti Al-Azhar itu juga merupakan bekas Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima hadiah wang tunai sebanyak RM100,000 sumbangan kerajaan, RM10,000 daripada Yayasan Ubaidi

dan plak penghargaan.

Bagi Tokoh Maal Hijrah Peringkat Antarabangsa pula, Menteri Haji Arab Saudi, Dr. Fouad Abdul Salam 65, dipilih menjadi penerima anugerah pada majlis sambutan sempena memperingati tahun baru Islam 1433 itu.

Beliau yang turut menerima hadiah wang tunai sebanyak RM100,000 hasil sumbangan kerajaan, RM10,000 daripada Yayasan Ubaidi dan plak penghargaan, bagaimanapun Menteri Haji itu tidak dapat hadir pada majlis sambutan tersebut.

Sementara itu, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pengiktirafan itu diberikan kepada Dr. Fouad kerana sumbangannya dalam memudahkan urusan dan pentadbiran jemaah haji.

“Beliau berusaha melakukan transformasi termasuk kemudahan bangunan penginapan, jambatan bertingkat untuk melontar Jamrah dan mengadakan perkhidmatan monorel di Mekah.

“Khidmat pengurusan oleh Kerajaan Arab Saudi itu bukan sahaja diberikan kepada jemaah Malaysia sahaja malah dari seluruh dunia,” katanya.